

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR KEARIFAN TEMPATAN DAN SASTERA MELAYU TERHADAP PENGHAYATAN BUDAYA GENERASI MUDA

*ZURINA ABDULLAH**
Universiti Islam Selangor
zurinaabdullah@uis.edu.my

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD
Universiti Putra Malaysia
salmahjan@upm.edu.my

ROHAINI AMIN
Universiti Islam Selangor
rohaini@uis.edu.my

NOR AZLINA ENDUT
Universiti Islam Selangor
norazlina@uis.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kearifan tempatan merupakan warisan budaya yang berhubung erat dengan sastera Melayu. Kedua-dua instrumen ini amat penting dalam memahami struktur pemikiran dan pandangan hidup masyarakat Melayu. Kajian-kajian terhadap kedua-dua instrumen ini telah banyak dilakukan, namun analisis yang menggabungkan kedua-duanya secara menyeluruh dalam pembentukan identiti budaya khususnya terhadap generasi muda masih belum dilakukan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meninjau dan menganalisis perkembangan literatur berkaitan kearifan tempatan serta hubungannya dengan sastera Melayu, di samping mengenal pasti jurang kajian yang masih belum diterokai. Metodologi kajian ini melibatkan analisis deskriptif terhadap 20 kajian lalu menggunakan kajian kepustakaan, merangkumi sepuluh kajian berkaitan kearifan tempatan dan sepuluh kajian lagi berkaitan sastera Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa kearifan tempatan diteliti melalui pelbagai aspek termasuk seni persembahan, perubatan tradisional, adat, pendidikan, pemuliharaan alam sekitar dan amalan berasaskan nilai Islam. Sastera Melayu pula dikenal pasti sebagai medium utama yang memaparkan akal budi, falsafah hidup dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Namun, analisis turut mendapati wujud jurang signifikan dalam kajian terdahulu, khususnya berkaitan tahap kesedaran dan penghayatan generasi muda terhadap nilai kearifan tempatan dalam sastera Melayu. Kajian empirikal yang melibatkan mahasiswa masih terhad, manakala tumpuan analisis terhadap genre tertentu sahaja mengehadkan pemahaman terhadap kepelbagaian fungsi sastera Melayu sebagai alat pendidikan budaya. Rumusannya, kajian ini menegaskan keperluan penyelidikan lebih menyeluruh yang menggabungkan pendekatan empirikal bagi menilai keberkesanan sastera Melayu sebagai wahana pemupukan identiti budaya dalam kalangan generasi muda. Cadangan dikemukakan agar penyelidikan masa depan memberi perhatian kepada kesedaran mahasiswa, variasi genre moden dan adaptasi media sebagai medium pengukuhan warisan budaya.

Kata kunci: tinjauan literatur; kearifan tempatan; sastera Melayu; generasi muda.

ANALYSIS OF LITERATURE ON LOCAL WISDOM AND MALAY LITERATURE IN RELATION TO CULTURAL APPRECIATION AMONG THE YOUNGER GENERATION

ABSTRACT

Local wisdom represents a cultural heritage that is closely intertwined with Malay literature. Both constructs are essential for understanding the cognitive structures and worldview of Malay society. Although numerous studies have examined each construct independently, comprehensive analyses that integrate both in the context of cultural identity formation particularly among the younger generation remain limited. Therefore, this study aims to review and analyse the development of literature related to local wisdom and its relationship with Malay literature, as well as to identify research gaps that have yet to be explored. The methodology involves a descriptive analysis of 20 previous studies through a library-based review, comprising ten studies on local wisdom and another ten on Malay literature. The findings show that local wisdom has been examined from various dimensions, including performing arts, traditional medicine, customs, education, environmental conservation, and practices rooted in Islamic values. Malay literature, on the other hand, is recognised as a primary medium that reflects the intellect, life philosophy, and worldview of the Malay community. However, the analysis also reveals a significant gap in past research, particularly concerning the level of awareness and appreciation among the younger generation towards the values of local wisdom embedded in Malay literature. Empirical studies involving university students remain scarce, while the narrow focus on specific genres limits the understanding of the diverse functions of Malay literature as a tool for cultural education. In conclusion, this study underscores the need for more comprehensive research that incorporates empirical approaches to evaluate the effectiveness of Malay literature as a medium for fostering cultural identity among young people. It is recommended that future research focus on student awareness, the variety of modern genres, and media adaptations as platforms for strengthening cultural heritage.

Keywords: literature review; local wisdom; Malay literature; young generation.

PENGENALAN

Kearifan tempatan merupakan manifestasi daripada pengalaman, pengetahuan dan nilai budaya masyarakat yang diwarisi turun-temurun. Dalam konteks Alam Melayu, kearifan tempatan tidak hanya terhad kepada aspek adat, tradisi dan kesenian, tetapi turut merangkumi bidang pendidikan, perubatan, perundangan, pemeliharaan alam sekitar dan sistem social (Mashitah et.al, 2021). Elemen-elemen ini membentuk identiti serta jati diri bangsa, di samping mencerminkan keintelektualan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam mendepani cabaran kehidupan. Sastera Melayu pula berfungsi sebagai medium yang signifikan dalam mengekspresikan kearifan tempatan. Melalui genre seperti pantun, syair, hikayat, manuskrip, dan cerita rakyat, nilai-nilai moral, falsafah hidup serta pandangan dunia masyarakat Melayu dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Oleh itu, kajian tentang perkaitan kearifan tempatan dengan sastera Melayu amat penting untuk menegaskan peranan warisan budaya ini dalam membentuk kesedaran dan identiti generasi masa kini.

Melalui kajian yang telah dilakukan oleh Muhammad Yusri dan Mohd Anuar (2020), mendapati istilah yang dikemukakan dalam menggambarkan konsep kearifan tempatan oleh pengkaji-pengkaji barat khususnya menggambarkan betapa luasnya konsep ini dengan

penggunaan tiga konsep istilah, iaitu kepandaian tempatan (*local genius*), keilmuan tempatan (*local knowledge*) dan kearifan tempatan (*local wisdom*). Ketiga-tiga istilah ini menekankan aspek pengetahuan yang bersumberkan pengalaman dan pemerhatian masyarakat setempat dalam menangani kehidupan seharian secara bijaksana. Istilah 'local' pertama kali digunakan oleh Quartrich Wales pada tahun 1951.

Kajian-kajian lepas yang akan diuraikan adalah berkaitan dengan kajian terhadap kearifan tempatan dan kajian terhadap sastera Melayu. Hal ini kerana kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada telah dilakukan atau belum kajian berkaitan kearifan tempatan yang dikaitkan dengan sastera Melayu. Selain itu, kajian ini akan dapat mengukuhkan permasalahan kajian yang dikemukakan, iaitu tentang tahap kesedaran generasi muda terhadap warisan budaya. Dalam kajian ini juga dikemukakan analisis terhadap jurang kajian serta perkaitan antara kajian ini dengan kajian-kajian lalu.

Sorotan literatur terdahulu menunjukkan bahawa kajian tentang kearifan tempatan dan sastera Melayu telah dijalankan dalam pelbagai dimensi, antaranya dari perspektif Islam, pendidikan, inovasi, pemuliharaan alam, dan pelancongan budaya. Namun, masih wujud jurang dalam penyelidikan yang memberi fokus terhadap kesedaran generasi muda, khususnya mahasiswa, terhadap peranan sastera Melayu sebagai medium kearifan tempatan. Hal ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk mengisi kekosongan tersebut melalui kajian yang lebih terarah dan bersifat empirikal.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sorotan terhadap kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa kearifan tempatan mempunyai peranan penting dalam membentuk budaya, moral, dan pemikiran masyarakat. Namun, masih terdapat beberapa permasalahan yang masih perlu diberi perhatian. Dalam kajian ini, fokus perbincangan lanjutan adalah terhadap kesedaran kearifan tempatan terhadap golongan generasi muda. Sebahagian besar kajian terdahulu hanya menekankan analisis teks sastera atau sejarah, tanpa melihat sejauh mana generasi muda, khususnya mahasiswa memahami dan menghayati kearifan tempatan yang terkandung dalam sastera Melayu. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang tahap kesedaran mereka terhadap warisan budaya tersebut dan mengakibatkan berlakunya jurang kesedaran generasi muda.

Permasalahan seterusnya didapati dalam kajian-kajian lepas berlaku keterbatasan liputan populasi. Kajian-kajian lepas didapati lebih tertumpu pada konteks tertentu seperti komuniti setempat, manuskrip, atau cerita rakyat tanpa memperluas kepada pelbagai lapisan masyarakat, terutama mahasiswa di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Fokus genre yang terhad turut dikenal pasti kerana kajian pengkaji-pengkaji lalu banyak tertumpu pada genre tertentu seperti hikayat, pantun, atau syair, sedangkan sastera Melayu meliputi spektrum yang lebih luas termasuk prosa moden, novel, drama dan filem yang turut membawa nilai kearifan tempatan.

Dari segi metodologi, kajian-kajian lepas didapati menggunakan pendekatan metodologi yang terhad. Sebahagian besar kajian terdahulu menggunakan kaedah kepustakaan semata-mata, sedangkan kajian berbentuk empirikal terhadap pandangan, kesedaran, dan pengalaman mahasiswa masih kurang dijalankan. Dalam konteks ini, kajian berbentuk kuantitatif dapat diaplikasikan bagi menemukan dapatan kajian yang berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang meninjau serta menganalisis kajian-kajian literatur berkaitan aspek kearifan tempatan menerusi sastera Melayu. Kaedah yang digunakan adalah kaedah perpustakaan dengan mengambil artikel-artikel daripada jurnal yang terdiri daripada kajian di Malaysia dan juga Indonesia. Hal ini kerana konteks kajian kearifan tempatan dan sastera Melayu antara kedua-dua negara ini adalah hampir sama. Pengkaji mendapatkan carian melalui Google Scholar dengan memilih artikel yang diterbitkan dalam tempoh lima tahun kebelakangan, iaitu antara tahun 2019 hingga 2024. Kesemua data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif.

KAJIAN TERHADAP KEARIFAN TEMPATAN

Dalam menghuraikan kajian literatur, beberapa kajian lepas dilakukan dalam tempoh lima tahun kebelakangan yang berkaitan aspek kearifan tempatan yang memberi impak terhadap pemikiran dan gaya hidup masyarakat Melayu khususnya. Kajian awal pada tahun 2019, iaitu kajian yang dilakukan oleh Muhammad Khairul Hafiz dan rakan-rakan dimana mereka menumpukan kajian kepada analisis seni persembahan sebagai elemen kearifan Melayu tempatan dari perspektif undang-undang Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan perpustakaan. Data yang dikumpul dianalisis secara induktif untuk menyampaikan unsur kearifan tempatan dan perspektif undang-undang Islam mengenai seni persembahan dalam masyarakat Melayu. Penemuan daripada kajian menunjukkan bahawa seni persembahan Melayu adalah tersendiri kerana percantuman budaya, nilai-nilai tempatan daripada wahyu dan ilham dari alam semula jadi.

Percantuman ini membawa kepada penciptaan seni, iaitu halus, lembut dan hangat, sebagai manifestasi daripada kearifan tempatan masyarakat yang unggul. Persembahan seni yang tidak bercanggah dengan Syariah boleh diterima sebagai 'urf sahih, namun seni persembahan yang mengandungi unsur pemujaan dan khurafat termasuk dalam kategori fasid, iaitu kearifan tempatan yang ditolak kerana ia bertentangan dengan Syariah. Kajian ini telah memberikan penjelasan secara ilmiah kepada masyarakat dalam menentukan persembahan seni yang tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam. Ia harus dijelaskan kepada masyarakat kerana kebanyakan seni persembahan yang mengandungi unsur pemujaan dianggap lazim kerana mengekalkan budaya tradisi nenek moyang dan dianggap adat dalam kehidupan.

Pada tahun 2020, ditemukan tiga kajian berkaitan kearifan tempatan. Pertama, kajian oleh Mohd Puaad dan rakan-rakan yang telah memfokuskan kepada subjek karya fiqh Melayu klasik yang merupakan karya intelektual ulama Melayu Islam dalam pelbagai topik perundangan Islam sama ada 'ibadat, mu'amalat, munakahat dan lain-lain. Karya-karya ini memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu sebagai alat komunikasi, pengetahuan, dan perkembangan sains. Perkembangan sejarah karya fiqh Melayu klasik telah dianalisis untuk mengemukakan konsep kearifan tempatan yang berteraskan kesusasteraan Melayu Islam. Kaedah analisis yang digunakan adalah pensejarahan yang mengkaji perkembangan sesuatu idea. Fakta yang diperoleh disaring secara menyeluruh menggunakan pendekatan sejarah induksi Melayu. Hasil perbincangan menunjukkan karya fiqh Melayu adalah hasil kearifan tempatan Melayu Muslim. Karya-karya tersebut adalah unik dalam identitinya sebagai sarana untuk memahami dan mengembangkan ilmu di Alam Melayu. Para intelektual ulama Melayu Islam bukan sahaja membawa perubahan dinamik kepada perkembangan intelektual di Alam Melayu selaras dengan ajaran serta amalan Islam bahkan juga berkualiti dan bernilai tinggi.

Kajian kedua dilakukan oleh Jacinta (2020) yang membincangkan tentang sistem

Bombon sebagai salah satu kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun yang dilaksanakan sejak zaman nenek moyang mereka. Sistem ini digunakan sebagai satu kaedah pemuliharaan ikan air tawar secara tradisional yang paling berkesan. Melalui sistem Bombon, masyarakat Kadazandusun dapat melestarikan alam sekitar seterusnya dapat memastikan mereka mendapat sumber ikan secara berterusan. Sistem Bombon jelas memperlihatkan pengetahuan, nilai, kelakuan serta sikap masyarakat Kadazandusun terhadap alam sekitar dan hubungan sesama manusia. Manfaat pelaksanaan sistem Bombon yang paling penting adalah sebagai agen penyatuan seluruh penduduk kampung. Sebagai salah satu kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun, hukum adat tidak dapat dipisahkan dengan aktiviti ini.

Pada hari ini, sistem Bombon bukan sahaja boleh dibanggakan sebagai warisan budaya masyarakat Kadazandusun malah sebagai salah satu warisan kebangsaan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan, iaitu temu bual, pemerhatian dan kajian kepustakaan. Dapatan kajian ini menunjukkan walaupun pada hari ini masyarakat Kadazandusun khususnya di Kiulu, Tuaran, Sabah sudah mempunyai pegangan agama seperti agama Kristian dan agama Islam, namun mereka tetap menghormati adat dan kepercayaan tradisional nenek moyang mereka. Amalan Bombon menjamin komuniti setempat untuk mendapat sumber ikan air tawar secara berterusan dan menikmati aliran sungai yang bersih.

Kini, pelbagai inovasi dan penambahbaikan dilakukan untuk menjadikan aktiviti Bombon dapat menyumbang kepada persekitaran sosial, terutama dari segi pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Kadazandusun. Namun yang pasti, amalan tradisional ini berjaya menyatupadukan komuniti setempat. Kajian ini berjaya memaparkan satu lagi bentuk kearifan tempatan dalam masyarakat minoriti di Sabah dan amalan ini boleh diaplikasikan dalam kalangan etnik lain dalam memberikan ilmu pengetahuan dalam usaha memulihara sungai bagi memastikan sumber ikan terus terpelihara. Maka, tindakan daripada pihak tertentu harus digerakkan agar kearifan ini dapat diteruskan oleh generasi akan datang.

Kajian ketiga dalam tahun 2020 ditemukan dalam kajian Muhammad Yusri dan Mohd Anuar yang memfokuskan kepada kedudukan kearifan tempatan daripada perspektif uruf dan syarat-syarat pengambilkiraan kearifan tempatan dalam uruf yang diterima oleh syara'. Dalam disiplin Usul fiqh, perbincangan berkaitan adat dan tradisi adalah termasuk dalam perbincangan uruf. Uruf ialah sekumpulan adat dan tradisi yang dipraktikkan, diketahui dan diiktiraf oleh syara'. Kearifan tempatan ialah produk keintelektualan hasil daripada gabungan amalan adat, tradisi dan panduan daripada wahyu.

Gabungan ini menghasilkan kearifan tempatan yang mencorakkan uruf sahih dan uruf fasid. Uruf sahih adalah uruf yang diterima, manakala uruf fasid adalah uruf yang ditolak daripada Islam. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini mengaplikasi kajian kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk kepada literatur berkaitan kearifan tempatan dan uruf. Data kualitatif telah dikumpul dan dianalisis kandungannya secara deduktif bagi merumuskan kedudukan kearifan tempatan daripada perspektif uruf. Hasil dapatan kajian menunjukkan kearifan tempatan yang berasaskan uruf sahih diterima dan sebaliknya, kearifan tempatan yang berasaskan uruf fasid adalah tidak diterima dalam penetapan hukum Islam.

Pengkaji menemukan dua kajian pada tahun 2021. Pertama, kajian yang dilakukan oleh Mashitah Sulaiman dan rakan-rakan berkaitan manuskrip Melayu Islam sebagai warisan kearifan tempatan dengan melihat kepada isu dan prospek masa depan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji manuskrip Melayu sebagai khazanah kearifan tempatan bangsa Melayu yang menampilkan pandangan sarwa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Kajian ini juga menganalisis isu cabaran dan masa depan kajian manuskrip Melayu Islam dari aspek analisis kandungan dan pengurusan manuskrip Melayu lama yang tersimpan di dalam dan luar Alam Melayu.

Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan kajian perpustakaan dan bahan sekunder seperti buku, artikel jurnal dan akhbar selain temu bual bersama pakar bagi menganalisis senario isu dan cabaran kajian manuskrip Melayu Islam di Alam Melayu. Hasil kajian ini mendapati bahawa manuskrip Melayu Islam merupakan warisan kearifan tempatan yang sangat bernilai, mencerminkan keintelektualan dan tahap peradaban tinggi masyarakat Melayu. Manuskrip ini mengandungi pelbagai bidang ilmu seperti agama, falsafah, undang-undang, ketatanegaraan, perubatan tradisional, kesenian dan persenjataan, sekali gus memperlihatkan pandangan sarwa bangsa Melayu yang holistik. Kajian ini juga mengenal pasti beberapa isu utama yang dihadapi dalam kajian manuskrip Melayu Islam, termasuk kekurangan sumber manuskrip yang asli, ketiadaan sistem pengurusan yang sistematik untuk pemeliharaan manuskrip, kekurangan tenaga pakar dalam bidang kajian manuskrip, serta cabaran dalam aspek pendigitalan dan akses penyelidikan terhadap manuskrip.

Selain itu, kajian ini turut menekankan prospek masa depan yang positif sekiranya beberapa langkah strategik diambil, antaranya memperkasa institusi penyelidikan, memperkukuh kerjasama antara institusi dalam dan luar negara, membangunkan program latihan kepakaran, serta mempercepatkan usaha pendigitalan manuskrip Melayu Islam agar lebih mudah diakses oleh para penyelidik. Justeru, kajian ini menekankan keperluan untuk merancang usaha strategik bagi memperkasa bidang penyelidikan manuskrip Melayu Islam, melalui pembangunan institusi, latihan pakar dan inisiatif digitalisasi, bagi memastikan warisan berharga ini dapat dipelihara dan dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Kajian kedua oleh Jacqlyn dan Salmah Jan (2021) telah melakukan penelitian terhadap keistimewaan dan kearifan tempatan masyarakat Melayu menggunakan buah-buahan dalam ilmu perubatan. Kajian ini berkaitan ilmu perubatan Melayu yang merupakan warisan peninggalan nenek moyang dalam bidang kebudayaan. Hal ini kerana masyarakat Melayu juga dikenali sebagai masyarakat yang kaya dengan ilmu pengetahuan seperti kaedah pembuatan ubat, merawat, penyediaan bahan, pemerolehan ilmu dari pelbagai sehingga kepada penanaman tumbuh-tumbuhan bagi tujuan perubatan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan keistimewaan dan kearifan tempatan tentang penggunaan buah-buahan dalam ilmu perubatan Melayu. Kajian ini akan menggunakan Antropologi Perubatan yang diperkenalkan oleh Hashim Awang A.R (1990) yang mempunyai tiga subbidang utama, iaitu eknologi perubatan, etnopsikiatri dan etno perubatan sebagai pengukuhan kajian ini.

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat buah-buahan yang digunakan oleh masyarakat Melayu bagi membantu dalam mengubati penyakit dan ada juga menggunakannya untuk tujuan perniagaan. Selain itu, didapati bahawa buah limau nipis paling banyak digunakan merawat penyakit dalam Kitab Tib Muzium Terengganu. Buah-buahan ini sememangnya mudah diperoleh kerana ditanam di persekitaran perumahan. Penggunaan buah-buahan untuk tujuan pengubatan dalam teks ilmu perubatan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kepercayaan kepada animisme, adat dan budaya selain bentuk fizikal buah-buahan yang sering dikaitkan dengan alam semulajadi dan kehidupan manusia. Kajian ini telah memberikan manfaat kepada pengkaji antropologi dan pengamal perubatan, untuk mendalami ilmu perubatan Melayu dengan mengkaji dan menggabungkan perubatan moden dan tradisional dalam bidang perubatan.

Mohd Sohaimi dan rakan-rakan (2022) telah melakukan kajian dengan mengaitkan elemen kearifan tempatan dengan projek inovasi sekolah ekoran adanya geran penyelidikan Projek Inovasi Sekolah telah diperkenalkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun 2020, dengan bermatlamat untuk membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah. Secara umumnya, kajian ini mendapati kejayaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran turut bergantung kepada pemantapan penguasaan bahasa tempatan dan asing dalam kalangan

pelajar. Persoalannya, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh golongan pendidik atau guru perlu juga disertakan dengan elemen inovasi agar dapat menambat hati pelajar untuk terus cemerlang dalam pelajaran.

Kajian ini membincangkan penemuan awal berkaitan dengan elemen inovasi berasaskan kearifan tempatan. Lokasi kajian yang dipilih ialah Sekolah Kebangsaan Kanibongan sebagai projek rintis kerana sesuai dengan lokasinya sebagai sekolah luar bandar. Metodologi kajian berdasarkan kepada elemen kearifan tempatan, yakni salah satu daripada cerita rakyat etnik Rungus. Daripada cerita rakyat ini, beberapa aktiviti yang bersifat inovasi telah dianjurkan antaranya termasuk tayangan video, penceritaan dan aktiviti pembelajaran. Hasil kajian mendapati bahawa aktiviti seumpama ini boleh memperkayakan lagi aktiviti pembelajaran pelajar berasaskan kearifan tempatan. Pada masa sama pelajar turut dapat melalui pengalaman baharu yang bersifat interaktif lagi berinovatif dalam mempelajari bahasa, termasuk bahasa kebangsaan.

Azahan dan rakan-rakan (2022) telah melakukan kajian untuk mengenal pasti dan mengkaji praktis amalan meramal cuaca berasaskan petunjuk astronomi, tingkah laku haiwan, perubahan pada tumbuhan dan elemen fizikal. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pengkaji sebagai instrumen kajian. Pengkaji menggunakan teknik temu bual semi berstruktur dan pemerhatian turut serta di lapangan. Seramai 11 informan ditentukan secara persampelan purposif. Hasil kajian mendapati bahawa amalan meramal cuaca berasaskan petunjuk persekitaran diamalkan komuniti tani sara hidup.

Petunjuk ramalan astronomi dan perubahan tingkah laku haiwan digunakan komuniti tani sara hidup dalam meramal cuaca. Perubahan pada awan, bulan dan matahari membantu komuniti tani membuat ramalan cuaca. Pada masa yang sama, keupayaan kearifan tempatan dalam amalan meramal cuaca dilihat lebih didominasi dalam kalangan komuniti tani yang lebih berusia dan menjalankan pertanian sara hidup dalam tempoh masa yang lama. Kajian juga mendapati kearifan tempatan ini turut diketahui sebilangan komuniti tempatan walaupun komuniti ini tidak menjalankan aktiviti pertanian sara hidup. Kajian ini sekali gus membantu dalam mengekalkan warisan kaedah berasaskan kearifan tempatan supaya dapat dipelajari generasi akan datang.

Emasta Evayanti dan Rianti (2023) melakukan analisis yang bertujuan untuk mengungkap dan mengkaji kajian struktural dan nilai kearifan lokal lagenda Asal Usul Surau Gading suku Melayu. Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah metode kualitatif deskriptif. Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam penelitian ini adalah dengan menggunakan teknik baca dan catat. Dalam penelitian ini data dianalisis dengan analisis data deskriptif kualitatif yang meliputi reduksi data, penyajian data, dan penarikan kesimpulan. Berdasarkan hasil analisis, lagenda tersebut mengandungi kajian struktural dan nilai kearifan lokal. Kajian struktural dan kearifan lokal terdapat dalam lagenda suku Melayu yang berjudul Asal Usul Surau Gading meliputi dua unsur, iaitu unsur intrinsik dan ekstrinsik. Unsur intrinsik mempunyai tujuh elemen, iaitu tema, alur, tokoh dan penokohan, latar, sudut pandang, gaya bahasa, dan amanat, manakala yang menjadi unsur intrinsiknya pula terdiri daripada latar belakang pengarang dan latar belakang cerita. Selanjutnya, dua kearifan lokal yang ditemukan dalam legenda ini, iaitu keagamaan dan berbalas budi.

Satu kajian terbaharu telah dilakukan oleh Julita Norjietta et.al (2024) melalui kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh dan kepercayaan kearifan tempatan dalam amalan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan menggunakan kaedah kajian lapangan untuk mengutip data daripada informan yang dikenal pasti yang menetap di beberapa buah daerah di Sabah. Instrumen yang digunakan bagi mengumpulkan data ialah kaedah temu bual secara individu (in-depth interview) melalui rakaman. Pengkaji mendapatkan maklumat responden berkenaan melalui

ketua kampung. Mereka terdiri daripada pengamal perubatan tradisional yang menjadi rujukan di kampung tersebut berdasarkan kepakaran mereka dari segi kepercayaan dan kearifan tempatan masyarakat pendukungnya.

Hasil kajian mendapati bahawa kepercayaan dan kearifan tempatan nenek moyang terdahulu menjadi penyumbang kepada pengetahuan dan maklumat terhadap amalan perubatan tradisional yang telah diwarisi oleh masyarakat pendukungnya secara turun-temurun. Implikasi kajian menunjukkan keberkesanan kaedah perubatan tradisional yang diwarisi menyebabkan masyarakat pendukungnya mempercayai bahawa amalan perubatan tersebut masih dipraktikkan sehingga hari ini. Rumusan kajian ini adalah kemahiran dalam kaedah penyediaan ubat-ubatan daripada tumbuh-tumbuhan dan kebolehan mentafsir maksud tertentu dapat digunakan untuk tujuan perubatan tradisional.

KAJIAN TERHADAP SASTERA MELAYU

Kajian-kajian lalu terhadap sastra Melayu juga amat penting dikemukakan bagi memperlihatkan kepentingan dan jurang kajian yang boleh diperoleh menerusi bahan kajian ini. Ia juga penting bagi memperlihatkan sama ada sastra Melayu sering mendapat tumpuan oleh para pengkaji lalu atau masih kurang mendapat fokus kajian. Melalui dapatan ini, pengkaji akan dapat mengenal pasti aspek-aspek kajian yang dikaitkan dengan sastra Melayu dan boleh menjadi jurang serta perkaitan dengan kajian yang dilakukan ini.

Ghazali dan A. Halim (2020) telah mengkaji sumbangan dan kepengarangan Sasterawan Negara Muhammad Hj Salleh sebagai seorang penyair yang mengangkat martabat jati diri Melayu. Kajian ini dilakukan kerana tokoh sasterawan tersebut banyak memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan minda masyarakat Melayu menerusi puisi-puisinya. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dan kualitatif menggunakan Model Proses Kreatif Teksualuri yang menggabungkan Teori Teksualisme dan Teori Tipa Induk (Carl Gustav Jung) sebagai landasan analisis. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif berdasarkan puisi-puisi terpilih Muhammad Haji Salleh yang mempersembahkan dimensi pemikiran yang mencerminkan kesedarannya terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. Kreativiti Muhammad Haji Salleh menghasilkan puisi-puisi berpaksikan sosial memperlihatkan sumbangan Muhammad Haji Salleh sebagai pengarang intelektual Melayu yang berjaya membina hubungan antara pengarang, teks dan pembaca. Rupa sosialisasi Melayu diungkapkan Muhammad Haji Salleh secara halus hingga mencapai tahap keunggulan dalam kepenyairan dan kepengarangannya. Kajian mendapati sumbangan Muhammad Haji Salleh terhadap pembangunan minda dan peradaban Melayu merentasi benua menerusi puisi-puisinya.

Mardiah Mawar et.al (2020) membahas tentang beberapa legenda dan mitos yang masih dipertahankan orang Melayu di Sumatera Utara dan kearifan lokal yang dipengaruhi oleh adanya cerita rakyat tersebut serta usaha preservasi dan pembudayaan kembali terhadap mitos dan legenda di tengah-tengah masyarakat Melayu moden. Mitos-mitos yang ditemukan adalah beberapa jenis mitos sesuai dengan fungsinya, iaitu berbentuk pantang larang, mitos untuk perempuan dan laki-laki, dan juga mitos anak-anak. Sedangkan legenda yang beredar merupakan legenda berupa asal-usul terjadi dan terbentuknya suatu tempat yang hingga kini menjadi nama dari tempat tersebut. Cerita rakyat ini secara umum memberikan fungsi sosial dan kearifan lokal terhadap masyarakat Melayu berupa pendidikan moral, ketaatan, dan nilai-nilai agama yang mempengaruhi kepada kebaikan dalam perbuatan. Usaha membudayakan cerita rakyat yang berupa tradisi lisan ini adalah dengan melalui sosialisai seperti penceritaan melalui pencerita dalam setiap acara kemelayuan, dalam bentuk tulisan berupa buku, serta

menjadi bahan pengajaran dalam dunia akademik sehingga mewujudkan pelestarian tradisi lisan dan cerita rakyat berupa mitos dan legenda yang bermanfaat bagi masyarakat Melayu masa depan.

Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohd Firdaus (2020) melakukan kajian yang menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional dengan cerita rakyat merupakan sebuah jalinan akrab yang tidak dapat dipisahkan. Hal ini kerana, kisah-kisah yang berkisar dalam cerita rakyat merupakan gambaran terhadap corak hidup masyarakat Melayu terdahulu. Selain itu, kandungan cerita rakyat Melayu juga tidak terkecuali daripada nilai Islam kerana orang Melayu zaman lampau kebanyakannya beragama Islam. Seterusnya, kajian ini dijalankan kerana bertitik tolak daripada kelompongan sejumlah kajian lepas, yang mana aspek nilai Islam yang masih belum diteroka secara menyeluruh kepada pembentukan akhlak masyarakat Melayu.

Oleh itu, kajian ini akan berpandukan beberapa objektif, iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan teori Takmilah sebagai deduktif kajian untuk memantapkan hujah analisis. Pendekatan kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini akan memberi pencerahan mengenai nilai-nilai Islam seperti merendah diri, tawakal, bersyukur, taat dan persahabatan dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia. Antara cerita-cerita rakyat yang dibataskan ialah Mengapa Bangau Kurus, Kelekatu Sombong, Kalimah Bismillah, Ditelan Yu, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Bukit dan Pokok dan Setiakawan. Hasil kajian ini membuktikan masyarakat zaman dahulu menerapkan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat bagi membina sebuah masyarakat yang berakhlak mulia.

Kajian oleh Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud (2021) telah merungkai tentang pemahaman masyarakat Melayu terhadap 'realiti' yang mempengaruhi kepengarangan mereka. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan perspektif 'realiti' dalam kepengarangan masyarakat Melayu tradisional dan merumuskan klasifikasi syair yang berteraskan realiti menurut para sarjana terhadap isu ini. Kajian ini menggunakan kaedah '*close reading*' terhadap beberapa pendapat sarjana terhadap definisi dan klasifikasi 'realiti' yang dianalisis secara rinci.

Dapatan kajian membuktikan bahawa klasifikasi syair berasaskan realiti kehidupan masyarakat yang diketengahkan oleh para sarjana terdahulu perlulah menepati beberapa kriteria yang dicadangkan agar satu klasifikasi yang telus dapat diperolehi dengan memanfaatkan peristiwa atau pengalaman yang dialami oleh raja, pemerintah atau kolonial dan rakyat. Keadaan ini akan menyebabkan syair terus relevan sebagai genre yang sentiasa *evergreen* dijadikan bahan kajian kerana keupayaannya melibatkan semua golongan masyarakat dengan pembahagian tema yang lebih jelas dan telus. Kajian ini membuktikan bahawa kesedaran diri sastera telah berjaya melonggarkan ikatan *raja centered* dalam syair-syair sehingga individu 'bukan raja' turut dijadikan fokus utama syair. Secara tidak langsung, kajian membuktikan juga bahawa perspektif realiti masyarakat Melayu dapat dijelaskan secara tepat dan menyeluruh oleh genre syair.

Dilah Tuah (2022) menjalankan kajian untuk mendapatkan data mutakhir potensi cerita rakyat daripada perspektif kearifan tempatan kepada industri pelancongan budaya di Sarawak. Kajian ini bersifat penyelidikan kualitatif berasaskan analisis teks terhadap empat buah buku cerita rakyat Sarawak daripada Antologi Cerita Rakyat Sarawak: Telichu dan Telichai (2020) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Dapatan kajian menunjukkan cerita rakyat sememangnya berpotensi menjadi alat untuk mempromosikan pelancongan budaya di Sarawak. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan nilai kearifan tempatan yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Sarawak mempunyai nilai komersial yang mampu dipasarkan sehingga ke peringkat

antarabangsa.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023) dalam kajian bertajuk Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat telah mengenal pasti dan menganalisis aspek akal budi menerusi cerita rakyat Melayu. Batasan kajian ini dihadkan kepada koleksi cerita rakyat dalam buku yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks selain menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) menerusi pengkaedahan alamiah bagi memperkukuhkan analisis kajian.

Hasil kajian ini mendapati adanya elemen akal budi dalam cerita rakyat Melayu yang diketengahkan. Berdasarkan kajian-kajian ini, pengkaji lalu menggunakan bahan kajian yang terdiri daripada manuskrip Melayu, sastera rakyat dan juga cerita-cerita rakyat. Beberapa kajian lain juga ada menggunakan pantun Melayu sebagai kajian tetapi fokus kajian tersebut terarah kepada aspek pemikiran dan akal budi Melayu secara amnya. Jurang kajian lepas berbanding kajian ini, kajian ini lebih memfokuskan kepada elemen kearifan tempatan dan tumpuan diberikan terhadap kesedaran generasi muda hari ini. Pemilihan responden bagi kajian ini juga memfokuskan kepada mahasiswa institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta yang berada di Selangor. Batasan kajian ini dapat memperlihatkan satu lagi penemuan baharu dan bakal memperlihatkan novelti dalam kajian seumpama ini.

Nor Idatul Akmar dan Haslina (2023) telah menghasilkan makalah dengan bertujuan mendokumentasikan penterjemahan sastera bahasa Melayu dalam bahasa asing oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dari tahun 1993 hingga 2018. Kajian ini memanfaatkan kerangka arkeologi terjemahan oleh D'hulst bagi mendapatkan maklumat tentang (i) jenis penerbitan sastera, (ii) pihak yang terlibat, (iii) pembiayaan terjemahan, (iv) cara terjemahan dilakukan dan (v) fungsi penerbitan terjemahan kepada khalayak. Dapatan menunjukkan sastera Melayu hanya mula diterjemahkan dalam bahasa asing pada tahun 2006.

Dalam tempoh 25 tahun, sebanyak 263 judul sastera Melayu telah diterjemahkan dalam 12 bahasa asing. Penerbitan tertinggi adalah daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris, iaitu sebanyak 167 judul. Penterjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing melibatkan seramai 120 orang penterjemah; 41 orang berstatus penterjemah penutur natif manakala 79 yang lain ialah penterjemah penutur bukan natif. Usaha menterjemah sastera Melayu dalam bahasa asing juga melibatkan 11 penerbit antarabangsa sebagai rakan kongsi penerbitan. Implikasi kajian memperlihatkan bahawa pendokumentasian berpandukan arkeologi terjemahan dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang sejarah, perkembangan dan aktiviti terjemahan buku di Malaysia.

Siti Noridayu dan Hazlina (2023) telah melakukan kajian terhadap *Hikayat Bayan Budiman* yang merupakan salah satu tinggalan berharga manuskrip yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen nilai murni yang terkandung di dalam naskah *Hikayat Bayan Budiman*. Selain itu, kajian dijalankan bagi melihat tujuan penggunaan watak haiwan dalam penulisan hikayat dan pemikiran pengarang. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menganalisis nilai murni yang terkandung dalam cerita.

Seterusnya, kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kepustakaan yang menggunakan rujukan daripada buku, jurnal dan artikel ilmiah. Dapatan kajian ini memperlihatkan 'Hikayat Bayan Budiman' mengandungi elemen nilai murni yang meluas dalam setiap bab. Hal ini demikian kerana, hikayat dikarang dengan tujuan memberi pendidikan tentang nilai baik dalam kehidupan secara tidak formal kepada masyarakat. Penggunaan watak haiwan merujuk kepada tajuk utama, iaitu 'Bayan' yang merupakan burung bayan. Melalui hikayat ini pengarang menyampaikan kisah kehidupan manusia yang baik dan buruk dengan kehadiran burung bayan

yang menjadi asbab kepada kesedaran diri manusia. Walaupun ia hanya hikayat rekaan tetapi isi kandungan dalam nilai murni dan nasihat menjadi pedoman dalam kehidupan realiti manusia. Oleh itu, hikayat sastera di Nusantara bukan hanya sekadar hiburan tetapi direka bagi menjunjung kesejahteraan kehidupan manusia di dunia.

Nur Afifah Vanitha dan rakan-rakan (2024) melakukan satu analisis untuk menyelusuri filem Melayu dengan subjek Sastera Melayu. Perbincangan ini bersandarkan data daripada penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif, dan pendekatan historikal sebagai kerangkanya. Kajian ini mengaplikasi kaedah analisis kandungan bagi meneliti bahan dalam bentuk cetak serta digital. Bahan utama adalah filem-filem sastera Melayu untuk memperolehi data berhubung naratif sastera dalam filem-filem Melayu, selain laman web FINAS, surat khabar dan dokumentasi ilmiah yang lepas. Artikel ini merakamkan bahawa sejak tahun 1956, pelbagai genre sastera telah diangkat sebagai subjek filem Melayu, antaranya adalah genre sastera lisan, novel tersohor dan novel popular.

Filem Melayu pertama yang mengangkat sastera sebagai naratif penceritaan adalah filem Hikayat Hang Tuah. Filem dengan subjek sastera telah diangkat oleh pengarah dari negara India dan Melayu pada era perkembangan awal filem Melayu di Singapura. Kemunculan pengarah filem Melayu kemudiannya pula menghasilkan lima buah filem hikayat, manakala filem Melayu yang mengangkat novel pula bermula sekitar tahun 1980-an. Dapatan kajian juga mengesahkan bahawa kebanyakan filem Melayu yang mengangkat subjek sastera sama ada meraih kemenangan dalam pertandingan filem dalam negara mahupun antarabangsa, selain meraih kutipan tiket yang cemerlang pada waktu ia ditayangkan.

Kajian oleh Shamsudin et.al (2024) menyorot teks sastera yang bermanifestasi maritim dalam Melayu terhadap sumbangannya kepada dunia kesusasteraan Melayu. Umumnya, teks sastera maritim adalah konotasi lain kepada kisah laut dan kepulauan Melayu yang ditakluki (dikuasai) oleh air. Hal ini bermakna, teks sastera Melayu mempunyai hubungan dan sumbangan penting kepada dalam ruang lingkup perkembangan budaya, politik, sosial, bahasa dan kesusasteraan Melayu. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk memaparkan sejauh mana penghayatan dan pengalaman pengarang melihat kehadiran unsur laut dan perkaitan makna dengan pemikiran Melayu yang digambarkan dalam karya Melayu tradisional mahupun moden. Penulisan menggunakan pendekatan analisis dokumen dan kepustakaan dengan penekanan kepada aspek semantik dan sosiologi sastera. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pengarang Melayu amat jelas tidak dapat memisahkan persoalan dan pemikiran mereka dengan alam maritim sama ada dipaparkan sebagai metafora, personifikasi mahupun citra dalam karya. Pantun, peribahasa dan karya prosa Melayu didapati menjadi indah pengucapannya apabila alam maritim berjaya menjadi manifestasi yang segar dalam karya sastera.

RUMUSAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan penelitian dan analisis yang telah dilakukan terhadap kajian literatur, terdapat beberapa limitasi kajian atau jurang pengetahuan dalam bidang kajian ini yang melibatkan tiga perkara utama, iaitu liputan populasi yang terhad, fokus kepada genre tertentu dan pendekatan penyelidikan yang terhad.

Limitasi kajian pertama didapati masih terdapat kekurangan terhadap populasi yang terhad. Banyak kajian yang menumpukan pada populasi tertentu sahaja, seperti mahasiswa di universiti tertentu atau kawasan tertentu seperti bandar-bandar besar. Kajian ini tidak mencerminkan pemahaman atau kesedaran mahasiswa dari institusi pengajian tinggi di luar kawasan kajian. Kesedaran mahasiswa di institusi lain walaupun terdapat kajian di beberapa IPT seperti kajian ini, namun masih kurang kajian serupa di institusi pengajian tinggi lain di

Malaysia. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai tahap kesedaran mahasiswa di institusi lain terhadap kearifan tempatan melalui sastera Melayu. Pemahaman mahasiswa di luar bandar atau dari latar belakang sosioekonomi yang berbeza mungkin memberikan dapatan yang berbeza, tetapi kurang mendapat perhatian para pengkaji. Oleh yang demikian, kajian berskala lebih besar melibatkan pelbagai institusi pengajian tinggi dari seluruh Malaysia perlu dijalankan. Integrasi kearifan tempatan perlu disepadukan dalam kurikulum pendidikan tinggi. Kajian lanjut diperlukan untuk menilai sejauh mana kearifan tempatan melalui sastera Melayu diintegrasikan dalam kurikulum dan dapat mempengaruhi pembentukan identiti dan nilai dalam kalangan mahasiswa.

Limitasi kajian kedua dapat dilihat terhadap fokus kepada genre tertentu sahaja. Banyak kajian lepas cenderung memfokuskan kepada satu-satu genre sastera, seperti syair, pantun, atau hikayat. Namun, sastera Melayu mempunyai kepelbagaian yang lebih luas, termasuk prosa moden, drama, dan novel kontemporari. Kesan genre yang berbeza terhadap kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan masih kurang diterokai. Maka, analisis yang melibatkan pelbagai genre, termasuk karya moden perlu dilakukan untuk melihat bagaimana karya tersebut mempengaruhi pemahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan.

Seterusnya, kajian ini juga mempunyai limitasi terhadap pendekatan penyelidikan yang terhad. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, iaitu soal selidik, untuk mengukur tahap kesedaran mahasiswa. Walaupun pendekatan ini memberikan gambaran umum, ia tidak mampu menangkap dimensi mendalam pemahaman mahasiswa. Kajian berbentuk kualitatif, seperti temu bual mendalam atau analisis fenomenologi, yang boleh mendedahkan pandangan dan pengalaman mendalam mahasiswa, masih kurang diterokai. Maka, dicadangkan pendekatan campuran (kuantitatif dan kualitatif) boleh digunakan untuk memberi gambaran yang lebih holistik.

ANALISIS JURANG KAJIAN BERDASARKAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian lepas yang memfokuskan kepada kearifan tempatan menunjukkan bahawa penyelidikan lebih tertumpu terhadap aspek adat, kesenian, perubatan tradisional, pemuliharaan alam sekitar dan perspektif Islam (Muhammad Khairul Hafiz et al., 2019; Mohd Puaad et al., 2020; Jacinta, 2020; Julita et al., 2024). Kajian-kajian tersebut berjaya menghuraikan manifestasi kearifan tempatan dalam pelbagai konteks masyarakat Melayu dan etnik lain, namun hampir kesemuanya masih terikat pada analisis deskriptif berbentuk teks atau etnografi tanpa mengaitkannya secara langsung dengan penerimaan dan penghayatan generasi muda. Kelemahan ini menyebabkan penyelidikan masih tidak dapat membuktikan tahap kesedaran kearifan tempatan dalam kalangan mahasiswa secara empirikal. Kekurangan ini menjadi jurang kritikal kerana institusi pengajian tinggi merupakan ruang sosialisasi penting untuk pemupukan identiti budaya.

Dalam bidang sastera Melayu pula, kebanyakan penyelidikan lepas memberi tumpuan kepada analisis kepengarangan, estetika, nilai moral, akal budi, realiti sosial atau adaptasi kreatif (Ghazali & A. Halim, 2020; Mardiah Mawar et al., 2020; Siti Noridayu & Hazlina, 2023; Nur Afifah et al., 2024). Walaupun kajian-kajian ini memperlihatkan kekayaan nilai budaya dalam pelbagai genre seperti hikayat, syair, cerita rakyat dan filem, terdapat kelompangan penting berkaitan sejauh mana nilai tersebut berfungsi sebagai medium pendidikan budaya kepada mahasiswa hari ini. Sebahagian besar kajian hanya membincangkan peranan teks secara teori, tanpa menguji keberkesanan nilai tersebut terhadap pembentukan jati diri generasi muda. Tambahan pula, fokus kajian terdahulu masih terhad kepada genre tradisional, sedangkan bahan kajian yang dekat dengan mahasiswa seperti pantun moden,

peribahasa kontemporari atau adaptasi digital masih kurang diterokai.

Dari segi metodologi, penyelidikan dalam bidang kearifan tempatan dan sastera Melayu didominasi oleh kajian kualitatif berbentuk analisis teks atau tinjauan sejarah. Kekangan ini menyebabkan tiada triangulasi dapatan yang melibatkan suara generasi muda secara langsung. Kaedah empirikal seperti soal selidik dan temu bual mendalam masih kurang digunakan. Hal ini memberi kesan kepada pemahaman menyeluruh tentang tahap pengetahuan, pengalaman dan kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan melalui sastera Melayu. Kesemua limitasi ini membuktikan wujudnya jurang penyelidikan yang jelas, sekali gus mengukuhkan keperluan bagi kajian ini untuk menilai kesedaran mahasiswa secara sistematik melalui instrumen empirikal. Kajian ini bukan sahaja mengisi kekosongan tersebut, tetapi turut menyumbang perspektif baharu tentang sejauh mana sastera Melayu berfungsi sebagai agen pemeliharaan kearifan tempatan dalam konteks masyarakat moden.

KERELEVANAN KAJIAN KEARIFAN TEMPATAN MENERUSI SASTERA MELAYU

Sebanyak 20 kajian literatur yang telah disorot dalam kajian ini, iaitu terdiri daripada sepuluh kajian melibatkan aspek kearifan tempatan dan sepuluh kajian lagi berkaitan aspek sastera Melayu. Kedua-dua aspek ini amat penting diketengahkan dan disoroti bagi memperlihatkan kecenderungan kajian-kajian lalu terhadap kearifan tempatan dan juga sastera Melayu agar dalam kajian ini, pengkaji dapat membuat analisis kritis terhadap perkaitan antara kearifan tempatan melalui sastera Melayu.

Secara keseluruhan, analisis kritis terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kearifan tempatan dalam sastera Melayu merupakan satu elemen penting dalam pembentukan jati diri dan pemikiran masyarakat Melayu. Kajian oleh Mohd Puaad et.al (2020) dan Mashitah Sulaiman et.al (2021) menunjukkan bahawa teks sastera Melayu yang terdiri daripada karya fiqh dan manuskrip Melayu telah menjadi khazanah ilmu yang sarat dengan kearifan tempatan. Kajian oleh Ghazali dan A. Halim (2020) yang meneliti kepengarangan sasterawan seperti Muhammad Haji Salleh membuktikan bahawa sastera mampu menjadi wahana intelektual yang mengangkat identiti bangsa, manakala kajian terhadap syair dan hikayat menunjukkan bagaimana sastera tradisional menggambarkan realiti sosial dan pemikiran masyarakat pada zaman dahulu. Kajian seumpama ini masih relevan dalam membincangkan peranan sastera sebagai alat untuk menyebarkan pemikiran dan identiti Melayu.

Kajian-kajian lalu turut menunjukkan perkaitan kearifan tempatan dalam konteks Islam melalui dua kajian oleh Muhammad Khairul Hafiz et.al (2019) dan Muhammad Yusri dan Mohd Anuar (2020). Mereka membincangkan bagaimana kearifan tempatan boleh ditafsirkan dalam perspektif Islam. Aspek kesenian tradisi dan adat istiadat sememangnya menjadi warisan budaya yang menggambarkan elemen kearifan tempatan masyarakat Melayu. Justeru, kajian ini memaparkan manifestasi kearifan tempatan adalah dipengaruhi oleh budaya, wahyu dan unsur alam. Kajian berfokus kepada perspektif undang-undang Islam dalam menilai penerimaan atau penolakan sesuatu bentuk seni persembahan. Dapatan kajian mereka amat penting bagi memberikan panduan dalam membezakan pengekal warisan tradisi agar tidak bercanggah dengan hukum Islam. Selain itu, amat penting bagi generasi masa kini sebagai penerus warisan bangsa dalam membentuk identiti sebagai masyarakat Melayu serta mempengaruhi kesedaran mereka untuk memahami dimensi hukum dalam memahami kearifan tempatan.

Bagi kajian-kajian yang meneliti cerita rakyat dan mitos Melayu di rantau Nusantara, sama ada Indonesia mahupun Malaysia sebagaimana yang dilakukan oleh Mardiah Mawar et.al

dan Muhammad Nur Hakim dan Mohd Firdaus pada tahun 2020 membuktikan bahawa unsur kearifan tempatan telah lama diserap dalam sastra lisan bagi tujuan pendidikan moral dan pembentukan akhlak. Namun, kebanyakan kajian ini lebih menumpukan kepada analisis teks dan sejarah tanpa memberi perhatian kepada sejauh mana generasi muda, khususnya mahasiswa, masih menyedari dan menghayati nilai-nilai ini dalam kehidupan moden mereka. Kajian Tuan Siti Nurul Shuhadah (2023) pula menekankan tentang kepentingan cerita rakyat dalam membentuk pemikiran dan moral masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melihat secara khusus tentang peranan akal budi boleh difahami dan dihargai oleh mahasiswa.

Kajian-kajian lain seperti Jacinta (2020) dan Mohd Sohaimi et.al (2022) turut menonjolkan tentang sistem Bombon dan bagaimana inovasi pendidikan berasaskan cerita rakyat bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyatuan sosial dan pendidikan, tetapi juga sebagai medium komunikasi budaya yang mampu berkembang seiring dengan perubahan zaman. Dengan kata lain, kearifan tempatan dapat berperanan sebagai alat penyatuan sosial dan pendidikan. Kajian yang meneliti penterjemahan sastra Melayu ke dalam bahasa asing dan adaptasi sastra menunjukkan usaha untuk memperkenalkan warisan ini ke peringkat global. Kajian oleh Nor Idatul Akmar dan Haslina (2023) telah mendokumentasikan usaha penterjemahan sastra Melayu oleh ITBM sejak tahun 1993 hingga 2018. Kajian ini memberi sumbangan dalam memastikan masyarakat khususnya generasi kini mengetahui bahawa adanya usaha yang dilakukan oleh pihak tertentu bagi memastikan sastra Melayu dapat ditonjolkan dan dipersembahkan kepada khalayak antarabangsa. Sementara kajian mengenai filem-filem Melayu yang mengadaptasi karya sastra membuktikan bahawa warisan kesusasteraan masih relevan dalam budaya popular hari ini. Kajian Nur Afifah et.al (2024) berjaya meneliti bagaimana sastra Melayu telah dijadikan subjek atau bahan dalam penghasilan dan tayangan filem sejak tahun 1956.

Selain itu, kajian yang meneliti unsur maritim dan alam dalam sastra Melayu seperti yang dilakukan oleh Shamsudin et.al (2024) memperlihatkan bagaimana hubungan manusia dengan persekitaran turut membentuk falsafah dan pemikiran dalam karya sastra. Keadaan ini dapat menjadikan kearifan tempatan sebagai satu elemen yang bukan sahaja diwarisi tetapi juga dihidupkan dalam pelbagai bentuk kesenian. Kajian ini telah menunjukkan bahawa unsur laut dan kepulauan telah menjadi metafora atau perlambangan dalam karya sastra Melayu. Ia amat penting dalam membuktikan bahawa alam memainkan peranan yang amat penting dalam estetika dan pemikiran masyarakat Melayu yang menjadi elemen kearifan tempatan masyarakat Melayu.

Kajian-kajian lepas yang dikemukakan memperlihatkan tentang perkaitan antara genre sastra Melayu dengan kearifan tempatan. Peranan sastra rakyat juga meliputi aspek perekonomian apabila kajian Dilah Tuah (2022) menyoroti potensi cerita rakyat di Sarawak yang merupakan nilai kearifan tempatan masyarakatnya sebagai alat promosi pelancongan budaya. Kajian ini didapati amat menarik kerana ia telah membuktikan bahawa kearifan tempatan dalam sastra mampu dijadikan daya tarikan ekonomi. Kajian Siti Noridayu dan Hazlina (2023) menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam Hikayat Bayan Budiman peranan watak haiwan sebagai simbol pengajaran. Pengkaji membuktikan bahawa hikayat Melayu mengandungi nilai moral yang mendalam dan relevan untuk dinaratifkan dan terus dipaparkan kepada generasi muda sehingga kini.

Berdasarkan analisis kritis yang telah dilakukan, terdapat jurang yang ketara dalam kajian-kajian lepas, khususnya dalam memahami tahap kesedaran mahasiswa terhadap peranan sastra Melayu sebagai medium kearifan tempatan. Banyak kajian telah membuktikan bahawa sastra Melayu kaya dengan nilai-nilai keilmuan, moral dan falsafah yang boleh menjadi pedoman kepada generasi muda, tetapi tidak banyak yang secara khusus meneliti pengkajian

mereka terhadap generasi muda khususnya mahasiswa dan ia menyebabkan dapatan untuk mengenal pasti sejauh mana generasi hari ini masih mengenali, memahami, dan menghayati warisan ini tidak dapat dibuktikan melalui kajian secara empirikal.

Oleh yang demikian, kajian ini berpotensi untuk mengisi jurang dengan membuktikan bahawa sastera Melayu boleh dijadikan sebagai manifestasi kearifan tempatan masih relevan dalam membentuk kesedaran mahasiswa tentang identiti dan budaya mereka. Dengan memfokuskan kepada mahasiswa, kajian ini boleh memberikan perspektif baharu tentang keberkesanan sastera Melayu dalam membentuk pemikiran generasi muda, serta mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu warisan yang perlu terus dipelihara dan diperkasakan dalam masyarakat moden.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dihimpunkan, dapat dirumuskan bahawa kearifan tempatan memainkan peranan penting dalam memelihara identiti budaya, warisan intelektual dan nilai-nilai tradisional masyarakat Melayu dan etnik lain di Nusantara. Kajian menunjukkan kearifan tempatan tidak hanya terhad kepada seni, adat dan tradisi tetapi juga meliputi bidang perundangan, perubatan, pendidikan dan pemuliharaan alam sekitar. Kajian-kajian ini turut membuktikan bahawa elemen kearifan tempatan sering dikaitkan dengan nilai-nilai Islam. Selain itu, kajian terhadap sistem tradisional juga dapat menunjukkan cara masyarakat tempatan memanfaatkan pengetahuan warisan dalam kehidupan seharian.

Namun, terdapat jurang dalam kajian yang menekankan aspek penerapan dan kesedaran generasi muda terhadap nilai kearifan tempatan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan bukan sekadar warisan sejarah tetapi juga mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi, pemeliharaan budaya dan pembinaan jati diri masyarakat di Malaysia dan Nusantara. Oleh itu, kajian lanjutan yang lebih mendalam dan menyeluruh diperlukan untuk mengukur sejauh mana nilai-nilai ini difahami dan diaplikasikan dalam kehidupan moden, khususnya dalam kalangan generasi muda.

RUJUKAN

- Azahan Awang et.al. 2022. Petunjuk persekitaran sebagai indikator ramalan cuaca berasaskan kearifan tempatan dalam komuniti tani sara hidup. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8(3), 72-89.
- Dilah Tuah. 2022. Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademia*, 92(2), 153-168.
- Emasta Evayanti Simanjunta dan Rianti. 2023. Analisis Kajian Struktural Dan Kearifan Lokal Legenda Suku Melayu. *Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya*. 4(1), 579-591.
- Ghazali Din dan A.Halim Ali. 2020. Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.
- Jacinta Tangil. 2020. Kearifan Tempatan dalam Sistem Bombon oleh Masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 5(2), 77-86.
- Jacqllyn Patricia Anak Jelani dan Salmah Jan Noor Muhammad. 2021. Keistimewaan dan Kearifan Tempatan Masyarakat Melayu Menggunakan Buah-Buahan dalam Ilmu Perubatan. *Jurnal Melayu*, 20(1), 93-108.

- Julita Norjietta Taisin et.al. 2024. Pengaruh Kepercayaan dan Kearifan Tempatan terhadap Amalan Perubatan Tradisional Masyarakat Kadazandusun. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*. 8(4). 108–117.
- Mardiah Mawar Kembaren et.al. 2020. Cerita rakyat Melayu Sumatra Utara berupa mitos dan legenda dalam membentuk kearifan lokal masyarakat. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 1-12.
- Mashitah Sulaiman et.al. 2021. *Manuskrip Melayu Islam sebagai Warisan Kearifan Tempatan: Isu dan Prospek Masa Depan*. E-proceedings of the International Conference on Da'wah and Islamic Management. 1-37.
- Mohd Puaad Abdul Malik et.al. 2020. Analisa Perkembangan dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik. *Jurnal Fiqh*, 17 (1), 89-134.
- Mohd Sohaimi Esa et.all. 2022. Projek Inovasi Sekolah: Elemen Kearifan Tempatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 7(47), 834-846.
- Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, et.all. 2019. Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis dari Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Fiqh*. 16 (2), 321-352.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. 2020. Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*. 10(2). 48-56.
- Muhammad Yusri Yusof dan Mohd Anuar Ramli. 2020. Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*. 19(2), 175-188.
- Nor Idatul Akmar Zulkipli dan Haslina Haroon. 2023. Penterjemahan karya sastra Melayu oleh institut terjemahan & buku Malaysia. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), 35-57.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah et.al. 2024. Menyelusuri Filem Melayu dengan Subjek Sastra Melayu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 51(2), 141-155.
- Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud. 2021. Klasifikasi Realiti dalam Syair menurut Masyarakat Melayu Tradisional. *Jurnal Melayu Sedunia*. Vol. 4. Issue 1: 206-229.
- Shamsudin Othman et.al. 2024. Manifestasi Dunia Maritim dalam Karya Kesusasteraan Melayu. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*. 14 (12), 3003-3019.
- Siti Noridayu Abd. Nasir dan Hazlina Abdul Halim. 2023. Elemen Nilai Murni Dalam 'Hikayat Bayan Budiman'. *Jurnal Filologi*. 30, 9-26.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan. 2023. Akal Budi Orang Melayu Menerusi Cerita-Cerita Rakyat. *Pendeta*. 14(2). 56-70.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor kerana telah memberikan dana untuk Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU) bagi tahun 2023. Kajian ini telah pun selesai dalam tempoh setahun. Penghargaan turut diberikan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

Biodata Penulis:

Zurina Abdullah merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor. Bidang kepakaran penulis adalah bidang Sejarah Bahasa, Tatabahasa, Kajian Manuskrip dan Kearifan Tempatan.

Salmah Jan Noor Muhammad merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran penulis adalah Filologi dan Kajian Manuskrip Melayu, Ilmu Diplomatik dalam Kesusasteraan Melayu, dan Warkah Diplomatik Kesultanan Melayu.

Rohaini Amin merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor. Bidang kepakaran penulis adalah Peradaban, Ketamadunan, Pensejarahan, Kenegaraan, Pembangunan Etnik.

Nor Azlina Endut merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor. Bidang kepakaran penulis adalah Politik, Kepimpinan dan Kenegaraan.